



AQIDAH

UNIT 1

Kelas Bimbingan Dewasa

PERKARA YANG AKAN DIPELAJARI

- Kepentingan aqidah dalam kehidupan muslim
- Sumber-sumber rujukan
- Perbezaan antara islam, iman dan ihsan

PENGERTIAN AQIDAH ISLAM

- ▶ Aqidah dari segi bahasa:
Ikatan, Kepercayaan, atau Keyakinan
- ▶ Aqidah Islam ialah segala perkara yang diyakini oleh umat Islam, yakni yang diyakini dengan pasti tentang kebenarannya.
- ▶ Dengan ini maknanya: kita berikrar bahawa kita rela Allah Taala sebagai Tuhan, Islam sebagai Agama, Muhammad sebagai Nabi dan Rasul, Al-Quran sebagai ikutan, Kaabah sebagai kiblat, Orang Mukmin sebagai saudara

SUMBER RUJUKAN – ASAS AQIDAH ISLAM

- 1) Segala yang diajarkan oleh nabi muhammad s.A.W kepada umatnya itu dari Allah s.w.t :

“Demi bintang ketika ia terbenam. Muhammad tidaklah tersesat dan keliru, dia tidaklah mengucapkan dari hawa nafsu, akan tetapi yang diucapkan tiada lain hanya dari wahyu yang diwahyukan yang diajarkan kepadanya oleh Jibril yang sangat kuat.” (an-Najm:1-5)

SUMBER RUJUKAN – ASAS AQIDAH ISLAM

- 2) Al-quran dan hadith adalah dua perkara yang ditinggalkan oleh nabi sebagai pedoman.

“Aku tinggalkan kepada kamu 2 perkara. Kamu tidak akan sesat selepas berpegang teguh kepada keduanya; Al-Quran dan SunnahKu” – HR Hakim

SUMBER RUJUKAN – ASAS AQIDAH ISLAM

- 3) Mengukuhkan aqidah islam dengan pemikiran yang sihat (dalil aqli) :

Contoh tentang keesaan Allah:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Dialah Allah Yang Maha Esa” (al-Ikhlâs:1)

- Akal membenarkan bahawa mustahil adanya Tuhan lebih dari satu.

PERBEZAAN ANTARA ISLAM, IMAN DAN IHSAN – TAKRIFAN IMAN

- IMAN dari segi bahasa: Membenarkan
- IMAN dari segi syarak:
“Mempercayai segala kebenaran yang diajar oleh Nabi Muhammad dengan keyakinan bahawa kesemuanya itu berasal dari Allah S.W.T.”
- Iman tidak cukup hanya dengan hati dan lisan sahaja tetapi perlu dibuktikan dengan amal perbuatan.

PERKARA-PERKARA YANG DI-AJAR OLEH NABI MUHAMMAD

1. IBADAH.
Seperti: Solat, Puasa, Zakat, Haji
2. MUAMALAT.
Seperti: Jual beli, Perbankan, interaksi antara manusia dengan manusia
3. MUNAKAHAT.
Seperti: Pernikahan, Penceraian, Hubungan antara suami dan isteri.


PERKARA-PERKARA YANG DI-WAJIBKAN DI-IMANI

- Iman terdapat banyak cabang. Ada 6 cabang yang wajib dipercayai :
 1. Iman kepada Allah Ta'ala
 2. Iman kepada para malaikat
 3. Iman kepada kitab-kitab Allah
 4. Iman kepada Rasul-Rasul Allah
 5. Iman kepada Hair Akhirat
 6. Iman kepada Qada' dan Qadar

PERBEZAAN ANTARA ISLAM, IMAN DAN IHSAN – TAKRIFAN ISLAM

- Islam dari segi bahasa:
Patuh, tunduk, menurut dan menyerahkan diri
- Islam dari segi syarak:
“Menyerahkan diri sepenuhnya untuk menjalankan perintah-perintah Allah s.w.t dan meninggalkan apa-apa yang dilarang”.

RUKUN ISLAM



PERBEZAAN ANTARA ISLAM, IMAN DAN IHSAN – TAKRIFAN ISLAM

- Ihsan dari segi bahasa:
Berbuat baik
- Ihsan dari segi syarak:
“Engkau berbakti kepada Allah seolah-olah engkau melihatnya, meskipun sebenarnya engkau tidak dapat melihatnya, padahal sesungguhnya Dia Maha Melihat engkau”

PERBEZAAN ANTARA ISLAM, IMAN & IHSAN

ISLAM

Melaksanakan dan mendirikan segala rukun Islam



IMAN

Membenarkan secara teguh segala rukun Iman



IHSAN

Ikhlās dan tekun dalam segala ibadah yang dilakukan